



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA

(*National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia*)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu,

Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 03-6253 0261 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725

E-mel: mail@nutp.org.my Laman Web: <http://www.nutp.org.my>

F : NUTP Malaysia

Presiden : Aminuddin Bin Awang

Setiausaha Agung : Haji Fouzi Bin Singon



MEDIA /SIARAN MEDIA

Kepada : **Ketua Pengarang
Semua Akhbar Dan Media Tempatan**

Daripada : **Fouzi bin Singon
Setiausaha Agung NUTP**

Telefon Bimbit : **019-9834123**

Tarikh : **18 Oktober 2024**

PENGHARGAAN TERHADAP PEMBENTANGAN BELANJAWAN 2025 MALAYSIA MADANI: KOMITMEN KUKUH TERHADAP PENDIDIKAN

1. Berdasarkan intipati atau pembentangan Belanjawan 2025 Malaysia Madani yang dibentangkan di Parlimen oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, mendapati ianya telus serta mengambil pandangan rakyat. NUTP mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri di atas peruntukan Bajet 2025 yang telah meningkat sebanyak 5.4 billion ringgit daripada tahun 2024.
2. Peruntukan sebanyak 64.1 bilion ringgit yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan merupakan peruntukan tertinggi dan hasrat Perdana Menteri memastikan ruang pembelajaran yang selesa, selamat dan bermakna untuk anak-anak menimba ilmu amatlah disanjung tinggi. NUTP mengucapkan terima kasih atas komitmen Kerajaan bagi memastikan keselesaan dan keselamatan murid dan guru di sekolah.
3. Pada tahun 2025, Kerajaan Madani telah menambah peruntukan penyelenggaran sekolah kepada 2 bilion ringgit iaitu peningkatan sebanyak 100 juta ringgit berbanding pada tahun 2024. Peruntukan ini dipecahkan kepada dua bahagian iaitu 1 bilion untuk menyelenggara semua sekolah terutama bilik darjah yang uzur manakala 1 bilion ringgit lagi bagi menaiktaraf 543 sekolah daif terutama di Sabah dan Sarawak.

.../2/

4. Bagi memastikan sekolah tidak terlalu padat, Kerajaan Madani telah meluluskan pembinaan 44 buah sekolah baru di negeri Johor, Selangor, Sabah, Kedah dan Sarawak. Peningkatan ini telah berlaku pertambahan sebanyak 18 buah sekolah baru berbanding pada tahun 2024.
5. NUTP mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Madani kerana telah menyelenggara sebanyak 8300 buah tandas sekolah pada tahun 2024 dalam masa yang singkat. Pada tahun ini, NUTP bersyukur kerana sekali lagi Kerajaan Madani telah memperuntukkan sebanyak 100 juta ringgit bagi membaik pulih kantin dan musolla.
6. Peruntukan tahun 2025, sekali menunjukkan keprihatinan Kerajaan Madani terhadap keperluan murid daif dengan menyediakan 17 jenis bantuan pendidikan dengan peruntukan sebanyak 5.3 bilion ringgit. Kerajaan meneruskan bantuan RMT sebanyak 800 juta ringgit yang memanfaatkan lebih 800 ribu murid. NUTP amat berharap peruntukan ini akan diuruskan oleh sekolah dengan telus agar murid-murid dapat memanfaatkan nutrisi untuk kepentingan Kesihatan mereka.
7. Bajet tahun 2025 juga, telah meringankan beban ibu bapa apabila Kerajaan Madani menyediakan peruntukan sebanyak 800 juta ringgit bagi bantuan awal persekolahan bagi murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 tanpa mengira pendapatan ibu bapa. Bagi peruntukan KWAM telah meningkat sebanyak 30 juta ringgit pada tahun 2025.
8. NUTP menghargai komitmen Kerajaan Madani mendengar keluh kesah guru-guru TVET yang selama ini mengalami kekurangan peruntukan PCG berbanding peningkatan harga barang. Pada tahun ini, Kerajaan Madani telah meningkatkan PCG bagi pendidikan TVET sebanyak 15 peratus.
9. Komitmen Kerajaan Madani memastikan kebijakan dan keperluan siswa guru program ijazah sarjana muda pendidikan telah menerima peningkatan elaun sebanyak 100 ringgit menjadi 530 ringgit.

10. NUTP mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Madani kerana amat prihatin dan mengambil berat keperluan pendidikan negara. Walaupun Kerajaan Madani telah meluluskan kenaikan gaji sebanyak 8% pada 1 Disember 2024, namun keprihatinan Kerajaan terhadap Kebajikan penjawat awam terserlah apabila meluluskan Bantuan Khas Kewangan sebanyak 500 ratus ringgit. Peruntukan tahun ini berfokus kepada Pembangunan infratruktur sekolah dan kebajikan murid. NUTP juga berharap peruntukan besar Kerajaan Madani akan terus dimanfaatkan sebaik mungkin oleh pihak sekolah dan juga murid-murid.
11. Namun begitu, NUTP berharap Kementerian Pendidikan dapat memberikan peruntukan tambahan kepada program latihan guru terutama bagi memastikan persediaan latihan terhadap perubahan kurikulum pendidikan pada tahun 2027 nanti serta kemajuan teknologi AI.
12. Selain daripada itu, runggutan daripada guru berkaitan peruntukan aktiviti sukan dan ko-kurikulum tidak ditingkatkan dalam bajet kali ini. NUTP amat berharap Kementerian Pendidikan dapat menyelaraskan semula peruntukan bagi keperluan aktiviti ini. Hasrat Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan elaun bagi pendidikan Tingkatan 6 tidak kesampaian. Besar harapan NUTP agar Menteri Pendidikan dapat mempertimbangkan cadangan yang dibuat sebelum ini.
13. Dalam jangka masa panjang, pihak NUTP berharap agar Kementerian Pendidikan merangka satu pelan strategik yang komprehensif bagi menangani isu sekolah padat dengan pembinaan sekolah baru atau bangunan tambahan. Bahagian Pembangunan Kementerian Pendidikan diharap dapat melihat keperluan penyelenggaran bilik guru dan penyaman udara di sekolah.

14. Sebagai penutup, NUTP sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Madani atas keprihatinan yang jelas ditunjukkan melalui Belanjawan 2025. Kami yakin peruntukan yang diberikan akan membawa banyak manfaat kepada pendidikan negara, terutama dari segi peningkatan infrastruktur sekolah dan kebajikan murid serta guru. Namun begitu, NUTP berharap agar semua inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menyeluruh demi memastikan setiap murid mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti.
15. NUTP akan terus menyokong sebarang usaha ke arah penambahbaikan sistem pendidikan negara dan berharap agar Belanjawan 2025 ini menjadi permulaan kepada transformasi pendidikan yang lebih gemilang.



FOUZI BIN SINGON
SETIAUSAHA AGUNG
NUTP